

## **MUTIARA ILMU**

Oleh

**Catherine Anak Hilary Agah**

## **ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan setelah saya mendapati salah seorang murid pemulihan khas Tahun 3 bermasalah dalam menguasai kemahiran membaca. Murid Pemulihan Khas ini tergolong sebagai murid yang menghadapi masalah dalam mengenal suku kata dan membaca secara lancer kerana masih keliru serta tidak mengenal suku kata. Apabila diminta membaca, bunyi bacaan masih tersekat-sekat, takut untuk bersuara, tidak yakin dan cepat berputus asa. Kajian ini bertujuan untuk membantu murid tersebut agar dapat membaca suku kata. Bimbingan secara kumpulan dan individu yang melibatkan pelbagai aktiviti p&p di samping penggunaan ABM untuk mengajar kemahiran bacaan Bahasa Melayu telah dilaksanakan. Hasilnya, Mei Ling dapat menguasai kemahiran dasar membaca selepas tindakan dilaksanakan.*

### **1.0 Pengenalan**

Sekolah Kebangsaan MJ merupakan sebuah sekolah luar bandar yang terletak kira-kira 25 km dari bandaraya Kuching. Bangunan sekolah yang berbentuk "U" mula dibina pada tahun 1977 dan menelan belanja RM 1 juta. Pada penghujung tahun 1980, bangunan ini telah diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Bahagian Kuching-Samarahan setelah siap pembinaannya. Sekolah ini dilengkapi dengan 30 buah bilik darjah, sebuah bilik guru, bilik pejabat am dan sebuah kantin. Mulai Januari 2009, sekolah ini ditadbir oleh guru besar baru yang berusaha untuk menjadikan sekolah ini lebih maju dalam semua bidang terutama dari segi prestasi akademik murid. Pada tahun ini, bilangan murid sekolah ini mencapai 1,500 orang dengan 65 orang guru dan 10 orang kakitangan sokongan.

Saya selaku seorang guru pelatih yang menjalani praktikum daripada 22 Jun hingga 18 September 2009 amat selesa diberi peluang menjalani latihan keguruan di sini kerana para guru dan kakitangan sekolah memberi kerjasama yang amat baik. Walaupun sekolah ini bukan merupakan sekolah pedalaman, namun ada beberapa kelengkapan sekolah yang masih kurang seperti tiada padang sekolah, ruang kantin yang agak kecil dan tiada tempat khas untuk dewan besar sekolah. Jumlah murid yang agak ramai sehingga mencapai 45 hingga 53 orang sekelas menyebabkan kelas agak sesak. Ini menyebabkan para guru agak sukar mengawal suasana kelas. Keadaan ini juga mendorong berlakunya gangguan pengajaran dan pembelajaran (p&p)

dalam kalangan murid. Dalam keadaan begini, murid yang agak lemah dan lambat dari segi pembelajaran akan terus ketinggalan.

Pemerhatian saya semasa menjalani praktikum selama tiga bulan mendapati, antara lainnya, enam orang murid dari Tahun 5 masih tidak dapat menguasai kemahiran asas membaca. Apabila guru pemulihan khas meminta mereka membaca ayat mudah, mata mereka terkebil-kebil, mulut kaku dan hanya membisu apabila soalan guru diajukan kepada mereka. Saya juga diamanahkan oleh pihak sekolah untuk mengajar 10 orang murid Tahun 3 dan mendapati masalah yang sama dihadapi oleh salah seorang murid Tahun 3 yang saya namakan Mei Ling. Apakah cara yang terbaik bagi membimbing mereka agar mereka boleh menguasai kemahiran asas membaca dengan baik agar setanding dengan rakan mereka yang lain? Keadaan ini telah mendorong saya melaksanakan penyelidikan tindakan yang memberi fokus kepada masalah penguasaan kemahiran asas membaca suku kata dan ayat mudah dalam kalangan murid tersebut. Kajian ini bermatlamat untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah penguasaan kemahiran asas membaca suku kata dan ayat mudah agar mereka tidak terus ketinggalan atau terjejas proses pembelajaran mereka.


### **1.1 Fokus Kajian**

Pada awal praktikum di SK MJ, saya mendapati Mei Ling masih belum menguasai asas menulis suku kata dan sangat lemah membaca ayat mudah yang sepatutnya telah beliau kuasai semasa berada di akhir Tahun 2. Pernah sekali saya *sit-in* dalam kelas Tahun 1 untuk menggantikan guru kelas berkenaan yang berkursus. Saya mendapati murid-murid Tahun 1 sudah begitu mahir membaca ayat mudah berbanding dengan Mei Ling. Malahan, mereka sangat cergas dan begitu mudah mengenali ayat-ayat mudah sehingga agak senang untuk mereka membaca ayat mudah dalam buku cerita kanak-kanak. 99 peratus (%) daripada mereka didapati melalui asuhan TASKA, SK MJ.


Memandang situasi Mei Ling, saya telah merancang tindakan untuk membantu Mei Ling menguasai kemahiran asas membaca suku kata. Sebagai permulaan, saya mengkaji amalan p&p guru-guru sekolah dalam menangani masalah murid yang lemah dalam menguasai kemahiran asas 3M. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan proses pengajaran saya. Saya turut mengkaji latar belakang keluarga murid-murid sekolah ini yang kebanyakannya menetap di Taman Inn. Saya mendapati sebilangan besar penduduk perumahan tersebut tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah. Berdasarkan temu bual dengan guru-guru SK MJ yang telah lama bertugas di sekolah ini, didapati rata-rata ibu bapa anak murid sekolah ini merupakan mereka yang sibuk bekerja serta menghadapi masalah rumah tangga seperti penceraian ibu bapa. Oleh

demikian, anak-anak kumpulan ini sering terabai dan tugas mendidik anak diserahkan sepenuhnya kepada guru sekolah.

Kajian saya bermula apabila saya menyemak hasil kerja penulisan dan hasil ujian diagnostik bagi meninjau tahap pencapaian murid pemulihian Tahun 3. Saya mendapati Mei Ling menghadapi masalah dalam mengeja, menulis serta membuat penyesuaian suku kata, mengenal dan membezakan huruf kecil dan huruf besar menggunakan gambarajah, apatah lagi apabila diarahkan untuk mengeja dan menulis di papan putih atau pada buku tulisan muridnya. Contoh hasil ujian diagnostik Mei Ling adalah seperti berikut.



Pada mulanya, saya beranggapan Mei Ling hanya lalai dan buat suka-suka meniru perbuatan kawan. Apabila saya memberi beliau beberapa lembaran kerja yang berkaitan dengan penulisan suku kata, perkara yang sama berulang. Hampir 70% soalan yang diajukan kepada Mei Ling tidak dapat beliau buat. Rajah 1 merupakan salah satu daripada contoh hasil kerja Mei Ling.



Rajah 1: Hasil kerja Mei Ling sebelum tindakan

Mei Ling juga lemah dalam menyesuaikan gambarajah dengan perkataan dan keliru dalam sebutan dan menulis awalan huruf dengan perkataan. Sebutan bacaan beliau juga kurang jelas. Beliau juga tidak yakin pada bacaan sendiri apabila diminta membaca ayat mudah di hadapan guru.

Mei Ling adalah agak pendiam dan pemalu berbanding dengan murid-murid lain. Apabila sesi soal jawab bersama guru diadakan, beliau lebih banyak berdiam diri. Ada kalanya Mei Ling menjawab soalan guru secara spontan tanpa mengira betul atau salah jawapan yang diberikan kepada guru semasa p&p. Seperti kebanyakan rakan murid yang lain, beliau tidak petah bertanya walaupun tidak memahami apa yang diajar. Mei Ling akan membuat latihan setelah saya memberi penerangan awal tetapi apa yang pasti ialah beliau tidak akan bertanya semula dan takut bersuara tentang latihan yang diberi. Beliau menghantar latihan beliau seperti rakan-rakannya yang lain walupun agak lambat menyiapkan latihannya berbanding dengan rakan-rakannya. Namun, dari segi kehadiran di sekolah, Mei Ling didapati sering kali ponteng dan mungkin ini merupakan salah satu daripada punca masalah yang mengakibatkan beliau agak lemah dan tidak terdapat kemajuan dalam pembelajarannya selama ini.

## 1.2 Objektif Kajian

Ekoran daripada tinjauan tersebut, kajian ini dijalankan bertujuan untuk

- mengenal pasti amalan p&p saya yang sepadan dan berkesan ke atas Mei Ling yang belum menguasai kemahiran asas 3M; dan
- membantu Mei Ling menguasai kemahiran asas membaca dan menulis.

## 2.0 Perancangan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian ini, saya telah merancang satu program bimbingan kumpulan dan individu yang intensif. Program ini diadakan dalam bilik kelas pemulihan khas (PK) di mana permulaan topik diajar secara serentak untuk 10 orang murid Tahun 3. Program ini melibatkan jangka masa selama tiga bulan iaitu sepanjang masa saya menjalani praktikum, bermula dari 22 Jun 2009 hingga 18 September 2009. Saya diperuntukkan masa mengajar lebih kurang 4 jam seminggu untuk Bahasa Melayu Kelas PK seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1. Bagi setiap waktu mata pelajaran Bahasa Melayu, saya memperuntukkan masa 10 minit bersama Mei Ling bagi membantu beliau dalam pembelajarannya.

Jadual 1: Peruntukan masa Bahasa Melayu Kelas Pemulihan Khas

Hari	Masa	Jumlah masa
Selasa	11.20 pg – 11.50 pg	30 minit
Rabu	10.20 pg – 11.20 pg	1 jam
Khamis	10.20 pg – 11.20 pg	1 jam
Jumaat	8.30 pg – 10.00 pg	1 jam 30 minit

Pada awal minggu pertama, saya telah merancang p&p agar setiap topik pengajaran berkaitan dengan kemahiran asas seperti mengenal huruf kecil, huruf besar, suku kata, dan perkataan dengan suku kata. Harapan saya ialah agar murid-murid saya dapat mengingat kembali dengan cara mengulang kaji pembelajaran Tahap 1. Jadual 2 menunjukkan jadual pelaksanaan p&p Bahasa Melayu Kelas PK untuk murid-murid pemulihan Tahun 3.

Jadual 2: Pelaksanaan p&p Murid-murid Pemulihan Tahun 3

Minggu / Tarikh	Program / Topik Pengajaran
Pertama 23.06.09 – 27.06.09	Minggu suai-kenal bersama murid, memantau dan memerhatikan pengajaran guru kelas Tahun 3A dan guru kelas Pemulihan Khas mengajar murid. Mula merancang program dan senarai topik yang akan diajar.
Ke – 2 30.6.09 – 03.07.09	Huruf kecil dan Huruf Besar <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengenalpasti, membunyi dan menulis huruf kecil dan huruf besar secara turut, gandingan atau secara rawak.</li></ul>
Ke – 3 07.07.09 – 10.07.09	Huruf Vokal a e i o u <ul style="list-style-type: none"><li>- Membunyikan huruf vokal dan mengenalpasti penggunaan huruf vokal dengan betul</li></ul>
Ke – 4 14.07.09 – 17.07.09	Suku Kata KV <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengenalpasti suku kata dan membunyi menyebut bersamaan dengan huruf vokal. Ba, ci, la, su, ka, hi...</li></ul>
Ke – 5 21.07.09 – 24.07.09	Perkataan KV + KV <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengenal dan memadankan perkataan KV + KV dengan gambarajah yang betul. Contoh Buku, Baca.</li></ul>
Ke – 6 28.07.09 – 31.07.09	Perkataan Dua Suku Kata V + KV <ul style="list-style-type: none"><li>- Menyambung dan membunyikan suku kata V + KV contoh: aku, api, ibu, alu... dan membina ayat mudah.</li></ul>
Ke – 7 04.08.09 – 07.08.09	Perkataan KV + KV + KV <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengenalpasti suku kata KV + KV + KV dengan belajar menyebut, menulis dan menyambung ayat mudah. Contoh : puteri, kereta, bahaya, cahaya...</li></ul>
Ke – 8 11.08.09 – 14.08.09	Perkataan KV/KV <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengenal suku kata Perkataan KV/KV, menyebut, menulis dan menyambung ayat mudah yang mudah difahami oleh murid. Contoh Jam, Kad, Cun, Sah...</li></ul>
Ke – 9 18.08.09 – 21.08.09	Suku Kata KV/KV <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengenalpasti suku kata KV/KV dan menyambung suku kata KV/KV dengan suku kata lain lain menjadi satu perkataan yang bermakna. Contoh : sat – sesat, lis – tulis, wah – bawah.....</li></ul>
Ke – 10 22.08.09 – 31.08.09	Cuti Pertengahan Penggal Ke - 2
Ke - 11 01.09.09 – 04.09.09	Perkataan V + KV/KV <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengenalpasti, menyebut dan menulis perkataan V + KV/KV dengan betul. Contohnya e + mak = emak, o + tak = otak....</li></ul>
Ke -12 08.09.09 – 11.09.09	Perkataan KV + KV/KV <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengenalpasti, menyebut dan menulis perkataan KV + KV/KV dengan betul.</li><li>- Contohnya : Ko + tak = kotak, ga + ris = garis...</li></ul>
Ke – 13 15.09.09 – 18.09.09	Perkataan KV/KV + KV/KV <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengenalpasti, menyebut dan menulis perkataan KV/KV + KV/KV dengan betul.</li></ul> <p>Contohnya : Mak + na = makna, Lak + sa = Laksa</p>

Secara umumnya, aktiviti-aktiviti bagi setiap sesi adalah seperti berikut.

1. Pemulihan Khas secara kumpulan:
  - Melalui latih tubi suku kata, mengeja dan membaca ayat mudah.
2. Bimbining Individu:
  - Melalui latih tubi suku kata: guru mengeja dan murid mengulang pada masa terluang; murid terbabit diajar secara individu oleh guru. Lembaran kerja murid yang mudah difahami murid diperbanyakkan.
3. Memberi peluang kepada murid-murid membaca dan mempersempahkan bacaan ayat mudah semasa p&p di hadapan rakan murid.
4. Memberi galakan kepada murid melalui penyediaaan alat bantu mengajar (ABM) yang menarik seperti yang ditunjukkan pada Lampiran A. Kit permainan untuk menggalakkan murid-murid bersaing dalam usaha mendapat markah tertinggi antara rakan atau kumpulan.
5. Sewaktu murid-murid lain membuat latihan bertulis atau lembaran kerja, Mei Ling dipanggil ke meja saya selepas beliau menyiapkan latihannya. Bimbining individu kerap saya laksanakan untuk membantu beliau.

### **3.0 Pelaksanaan Tindakan dan Dapatan**

Pelbagai kit permainan dan lembaran kerja yang mampu menjana minda serta menarik minat murid dalam menyelesaikan masalah; untuk mewujudkan persaingan sesama murid; serta mewujudkan kerjasama kumpulan telah dihasilkan. Mei Ling tidak ketinggalan dalam menyertai aktiviti pembelajaran yang menarik. Setiap individu berpeluang tampil mengetuai kumpulan secara bergilir bagi mengumpul markah. Markah tertinggi pasti ada ganjaran berupa hadiah alat tulis seperti pemadam, pensel dan pembaris. Kehadiran murid diambil pada setiap Jumaat, markah penuh serta hadiah seperti yang dinyatakan atau makanan ringan diberikan pada murid yang tidak ponteng kelas. Hasilnya, masalah ketidakhadiran murid semakin kurang, Mei Ling semakin gemar ke sekolah dan tidak pernah ponteng sehingga akhir minggu latihan pengajaran saya di sekolah tersebut.

Pemulihan Khas secara kumpulan dijalankan semasa waktu mengajar kelas pemulihan dan dilaksanakan secara serentak mengikut jadual masa yang telah diperuntukkan kepada saya untuk mengajar murid pemulihan. Bagi pemulihan secara individu seperti Mei Ling pula, penekanan pengajaran saya adalah semasa habis waktu membuat lembaran kerja murid atau 10 minit semasa sesi pengajaran. Sebagai contohnya, sesi pada setiap hari Selasa mengambil masa selama 30 minit waktu mengajar. Saya menyediakan beberapa kad-kad huruf untuk mengukuhkan pembelajaran kemahiran asas seperti pengenalan huruf kecil dan huruf besar (Kemahiran 1 dan 2). Gambar 1 dan 2 menunjukkan contoh kad-kad huruf berkenaan.



Gambar 1: Kad-kad huruf kecil



Gambar 2: Kad-kad huruf besar

Tahap pencapaian murid dikenal pasti dengan membuat bacaan secara latih tubi dan secara kumpulan. Ini dilakukan pada minggu pertama. Rajah 2 merupakan satu contoh untuk pengenalan huruf kecil dan besar yang disediakan.

A a	B b	C c	D d	E e	F f
G g	H h	I i	J j	K k	L l
M m	N n	O o	P p	Q q	R r
S s	T t	U u	V v	W w	X x
		Y y	Z z		

Rajah 2: Contoh pengenalan huruf kecil dan besar


Proses ini mengambil masa selama seminggu. Dan pada akhir hari Jumaat, murid-murid diberi latihan pengukuhan dan didapati Mei Ling sudah dapat membaca, memadankan, mengenal dan membunyikan huruf kecil dan huruf besar dengan mudah. Semasa latihan tersebut, terdapat seorang murid yang masih menulis huruf terbalik seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3. Saya sentiasa memperbetulkan tulisan huruf murid berkenaan agar murid tersebut dapat menulis dengan betul.



Rajah 3: Huruf terbalik salah seorang murid

Pada minggu kedua dan ketiga, saya mula mengajar dan melatih Mei Ling membunyikan huruf vokal yang dicantumkan dengan suku kata KV serta

dipadankan dengan gambarajah yang sepadan. Contohnya adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4, Gambar 3 dan Gambar 4.



Rajah 4: Huruf vokal dicantumkan dengan suku kata KV



Gambar 3: Kad huruf vokal  
(Kemahiran 3)



Gambar 4: Kad suku kata KV  
(Kemahiran 4)


Latih tubi dijalankan selama 15 hingga 20 minit setiap masa mengajar dan bahan ABM yang mana suku kata yang dicantumkan dengan warna yang berbeza dipamerkan di sudut bacaan untuk murid mengikuti program ini.

Perancangan kedua ini disertai dengan nyanyian berbentuk suku kata yang didapati boleh menarik minat Mei Ling untuk terus belajar. Contoh nyanyian berbentuk suku kata adalah seperti berikut.

Nyanyian : *Pak Abu ada kebun*                    *a e i o u*  
              *Pak Abu tanam sayur*                    *a e i o u*

Melalui pemerhatian selama dua minggu mendapati masa 15 ke 20 minit setiap masa p&p masih tidak mencukupi. Maka, dengan keazaman dan komitmen yang ada, saya mempelbagaikan lagi ABM, dan merancang kit pembelajaran untuk Mei Ling dan rakan murid lain agar mereka dapat

memahami apa yang diajarkan kepada mereka. Gambar 5 dan 6 adalah contoh-contoh ABM yang disediakan.



Gambar 5 dan 6: Kad ABM

Langkah seterusnya yang dilaksanakan melibatkan proses membaca ayat pendek yang mana suku kata diwarnakan dengan dua warna. Proses ini dilakukan bila Mei Ling dapat menyebut dan membunyikan suku kata. Proses ini sentiasa diulang sehingga Mei Ling dapat mengenal dan membunyikan suku kata secara spontan tanpa tersekat-sekat. Contoh-contoh kemahiran berkaitan adalah seperti berikut dan ditunjukkan oleh Gambar 7 hingga 12.

#### **Minggu 5: Kemahiran 5 – Perkataan KV + KV**

*Ini Tony  
Tony suka baca  
Tony suka baca buku  
Tony suka baca buku dan main bola*



Gambar 7: Perkataan KV+KV  
(Kemahiran 5)

## **Minggu 6 dan 7: Kemahiran 6 – Perkataan V + KV**

Nyanyian: *Pisang Apa (2X)..., Pisang tanduk...sekarang,*  
Bacaan pantun:

*Abu ada baju baru,  
Baju itu berwarna jingga  
Kalau sayang pada ibu  
Perlu hormat dan taat sentiasa.*

## Kemahiran 7 – Perkataan KV + KV + KV

## Teka teki:



Pokoknya banyak di tepi laut,  
Gunanya galah jolok pelepah,  
Sudah dipotong mesti diraut,  
Bila dicantum tak mudah patah.

Jawapannya: Kelapa



Gambar 8: Perkataan dua suku kata V+KV (kemahiran 6)



Gambar 9: Perkataan KV+KV+KV  
(Kemahiran 7)

## Kemahiran 8 - Perkataan KVK

## Nyanyian:

*Tik...tok....tik...tok...  
Jam ku berbunyi,  
Tik...tok....tik....tok...  
Banqun paqi-paqi, mesti qosok gigi*




Gambar 10: Perkataan KVK  
(Kemahiran 8)

### **Kemahiran ke 9 – Suku Kata KVK**

Bacaan pantun:

*Buah cempedak di luar pagar,  
Ambil galah tolong jolokkan,  
Saya budak baru belajar,  
Kalau salah tolong tunjukkan.*




Gambar 11 dan 12: Suku kata KVK  
(Kemahiran 9)

Bacaan ini dilakukan pada setiap 5 minit masa terakhir pada waktu mata pelajaran Bahasa Melayu setiap hari. Pada minggu seterusnya, lembaran kerja diperkuuhkan lagi dan ditambahkan dengan aktiviti pengukuhan berbentuk ujian yang dilakukan pada setiap hari Juma'at bagi menguji tahap pencapaian setiap murid. Ujian untuk membunyikan dan membaca suku kata, diikuti dengan bacaan ayat mudah dan cerita pendek yang membabitkan keseluruhan kemahiran yang diajar dilaksanakan pada minggu terakhir minggu praktikum saya.

Hasil daripada setiap pemerhatian yang telah saya buat kepada Mei Ling. Saya dapat ada perubahan ketara kepada beliau kerana beliau sudah tidak kekok dan lebih yakin membaca dan membunyikan suku kata, membaca ayat seperti cerita pendek dua suku kata dengan lancar dan jelas.

Sebagai mengukuhkan lagi masalah pembelajaran murid, saya akan mengumpul markah tertinggi bagi setiap perolehan hasil lembaran kerja murid, markah kerja perkumpulan, sikap, senarai hari kehadiran ke sekolah dan keputusan akhir setiap habis pengajaran kemahiran pada hari Juma'at akan ada hadiah ganjarannya seperti alat tulis dan makanan. Hasrat saya untuk melihat kemajuan Mei Ling dan rakan-rakannya yang lain amat berbaloi dengan kesan tindak balas dari murid agak baik kerana dapat memberi keyakinan dan menanam minat mereka untuk belajar dan mencintai sekolah mereka. Rajah 5 menunjukkan hasil kerja Mei Ling selepas tindakan diambil.



Rajah 5: Hasil kerja Mei Ling selepas tindakan

#### 4.0 Kesimpulan dan Refleksi

Kesimpulan dan refleksi daripada kajian ini antaranya adalah seperti berikut.

- Pada waktu tertentu, murid yang dikaji akan membaca ABM yang saya letakkan di sudut dinding kelas. Ia dibaca secara individu atau secara beramai-ramai. Selain itu, mereka berlumba-lumba untuk membaca ayat mudah secara bergilir-gilir bagi mempastikan siapa antara mereka yang dapat membaca ayat lebih cepat dan tidak tersekat-sekat.
- Ujian lembaran kerja dapat disiapkan lebih cepat dari jangka waktu yang ditetapkan. Justeru, Pemulihan Khas memang sesuatu amat wajib dan amat istimewa dalam membentuk minda murid agar sentiasa bergerak aktif. Ia juga akan mengelakkan situasi murid yang buta huruf bila sampai Tahap 2 serta menjelang peperiksaan UPSR.
- P&p di kelas amat perlu dipertingkatkan lagi berdasarkan kebolehan murid bagi murid yang lambat untuk mengikuti apa yang diajar agar mereka tidak terus ketinggalan dari rakan sebaya yang lain.
- Beberapa orang guru yang sering memandang remeh dan menganggap murid ini sebagai satu beban, menyusahkan guru dan sukar untuk diajar. Mereka sebenarnya boleh dipulihkan. Di sinilah letaknya tanggungjawab, hasrat dan keprihatinan guru itu sendiri bagi membimbang murid-murid ini agar dapat seiring serta mempunyai kemahiran membaca seperti murid cerdas atau pandai yang lain. Apa yang patut guru utamakan ialah pemberian peluang kepada mereka untuk memperbaiki kemahiran. Mungkin mereka memerlukan jangka masa yang agak lama dan perhatian khusus daripada guru yang siap sedia membantu murid yang bermasalah seperti ini.
- Tindakan dalam memberi bimbingan khusus dan perlaksanaan p&p yang sempurna kepada kumpulan murid ini saya dapatkan amat berkesan. Mereka ada memberi tindak balas yang baik dan menunjukkan

peningkatan yang mengagumkan walaupun ianya memerlukan komitmen tinggi dan perancangan mengajar yang teliti. Apa yang menjadi kebanggaan saya ialah murid seperti Mei Ling boleh menunjukkan sikap mula berminat untuk belajar dan bersemangat kerana adanya tumpuan khusus dan bimbingan yang lebih dari biasa. Perubahan cara mengajar yang lebih kepada cara latih tubi berkesan dan konsisten dapat membantu Mei Ling menguasai kemahiran membaca.

- Murid-murid yang lambat seperti Mei Ling tidak seharusnya dilabelkan sebagai bodoh atau hanya menyusahkan guru. Sudah kita sedia maklum bahawa guru memikul satu tanggungjawab sebagai pendidik anak murid tanpa mengira darjat, bangsa dan agama. Sikap guru harus senantiasa positif selaku sebagai model terbaik bagi anak-anak murid.

Kesimpulannya, p&p yang mementingkan sukanan pelajaran sahaja akan mengakibatkan murid-murid lambat terus tertinggal seperti dari segi tidak pandai mengenal suku kata apatah lagi membaca ayat mudah. Saya berasa seperti ada satu kepuasan bila mana dapat diberi peluang membimbing murid-murid yang lambat seperti Mei Ling sehingga mereka dapat membaca dan tidak akan merasa gelisah, diam, mencezik, menangis dan berdendam dengan guru apabila guru mengarahkan mereka untuk membaca. Saya berasa amat bertuah sekali kerana mendapat kerjaya sebagai guru pemulihan khas. Harapan saya, saya akan dapat terus memajukan p&p kelas pemulihan saya.

## **Bibliografi**

Hilary Awan. (2005). Bacalah Sayang. *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan Tahun 2005*. Kuching: IPBL & PPDK Serian.

Zailan Bin Jeman. (2005). BESAR dan kecil. *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan Tahun 2005*. Kuching: IPBL & PPDK Serian.